

17 JAN 1996

Rahim-Keputusan

RAHIM UMUM KEPUTUSAN MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik akan mengumumkan Isnin depan sama ada menerima atau tidak keputusan Majlis Tertinggi Umno untuk mengembalikan jawatan Ketua Pemuda kepadanya.

Abdul Rahim, 45, berkata beliau mahu menemui Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Pemangku Ketua Pemuda Datuk Nazri Abdul Aziz sebelum membuat keputusan.

Rahim berkata demikian ketika ditemui pemberita di Mahkamah Sesyen di Jalan Raja di sini hari ini.

Mahkamah itu pagi ini membebas dan melepaskan Rahim daripada tuduhan tidak mengisytiharkan semua harta miliknya, milik isteri dan anak-anaknya kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Majlis Tertinggi Umno malam tadi memutuskan bahawa Rahim berhak memegang semula jawatan Ketua Pemuda selepas didapati tidak bersalah di atas beberapa tuduhan terhadapnya.

Rahim melepaskan jawatan Ketua Menteri dan Ketua Pemuda pada 1994 ekoran dikaitkan dengan kontroversi melibatkan seorang gadis bawah umur.

Beliau juga menghadapi tuduhan rasuah selain tuduhan tidak mengisytiharkan harta.

Siasatan Peguam Negara mendapati tiada bukti mengaitkan Rahim dalam kes gadis itu manakala tuduhan rasuah terhadapnya pula digugurkan kerana didapati tiada kes terhadapnya.

Hari ini Mahkamah Sesyen pula menggugurkan kes tidak mengisytiharkan hartanya yang memberi laluan kepada Rahim untuk menerima keputusan MT Umno.

Nazri yang memangku jawatan Ketua Pemuda telah mengumumkan hasratnya untuk mengembalikan jawatan itu kepada Rahim memandangkan bekas Ketua Menteri Melaka itu didapati tidak bersalah terhadap semua tuduhan.

Hasrat Nazri bagaimanapun diserahkan kepada Majlis Tertinggi Umno untuk dibuat keputusan.

Rahim yang kelihatan ceria selepas keluar dari mahkamah berkata beliau berterima kasih kepada pucuk pimpinan parti kerana menawarkan semula jawatan itu kepadanya.

"Saya juga bersyukur kepada Allah kerana UMNO adalah satu parti yang berpegang kepada prinsip keadilan dan keluhuran undang-undang dan bukan kepada prejudis dan syak wasangka," kata kepada kumpulan wartawan yang menyerbunya sebaik sahaja beliau muncul di pintu mahkamah.

"Saya akan hanya mengumumkan pendirian saya selepas berjumpa dengan ketiga-tiga pemimpin itu. Mungkin Isnin saya akan buat keputusan," katanya.

Isterinya Puan Sri Zabedah Abdullah dan anaknya serta peguamnya Datuk Dominic Puthuchearry turut hadir di mahkamah.

Hakim Zura Yahya membebas dan melepaskan Rahim daripada tuduhan itu selepas Timbalan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail menarik balik pertuduhan.

Rahim enggan mengulas tentang kemungkinan beliau memegang semula jawatan Ketua Menteri Melaka dengan berkata perkara itu terserah kepada budi bicara pucuk pimpinan untuk membuat keputusan.

Rahim juga yakin keputusan MT itu tidak akan menimbulkan perpecahan dalam Pemuda kerana menurutnya: "Semua anggota UMNO termasuk Pemuda adalah matang dan mereka sentiasa dipandu oleh semangat kepartian UMNO."

Ketika ditanya mengenai pendirian beberapa Pemuda negeri sebelum ini yang tidak mahu beliau memegang kembali jawatan itu, Rahim berkata mereka

membuat pendirian itu sebelum MT membuat keputusan.

"Kita bersatu bila MT dah buat keputusan," katanya.

Apabila ditanya apakah faktor-faktor yang akan diambil kira oleh beliau untuk membuat keputusannya, Rahim berkata: "Banyak...akan timbang semua".

Wartawan: Berapa lamakah Tan Sri akan ambil untuk selesaikan masalah peribadi?

Rahim: Masalah apa?

Wartawan: Minit mesyuarat Pemuda Umno yang lepas mengatakan bahawa Tan Sri diberi masa untuk menyelesaikan masalah peribadi?

Rahim: Tidak ada apa-apa masalah.

Wartawan: Ada tak jumpa Exco Pemuda untuk mendapat pandangan mereka tentang resolusi (Pemuda) sebelum ini?

Rahim: Apa buat saya jumpa? Bukan saya nak lobi. -- BERNAMA